

24/11/2003

Dokumen Pas mahu tutup tanggapan positif terhadap PM

Mud 'Tow-Qua'

APABILA Pas menerbitkan apa yang dipanggilnya Dokumen Negara Islam, ia sebenarnya hanya mengundang tanggapan betapa parti itu mula bimbang dengan bayang-bayangnnya sendiri.

Ia bimbang kalau-kalau pandangan umum terhadap parti yang kononnya juara perjuangan Islam di negara ini, bertambah merosot. Jadi, ketegasan baru mengenai ia parti yang juara dalam memperjuangkan Islam, harus dilakukan dalam bentuk penerbitan dokumen itu.

Apatah pula, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri sebelum ini mencabar kepemimpinan parti itu agar mengemukakan secara jelas konsep negara Islam di sebalik penafian parti itu bahawa negara ini belum lagi boleh diiktiraf negara sedemikian.

Cabaran itu kalau tidak disahut, akan terus mengancam imej Islam Pas. Justeru, diadakan perbincangan demi perbincangan hingga akhirnya terbitlah dokumen itu.

Namun, seperti yang kita sama-sama ketahui dan Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob menyebutnya dengan baik, Dokumen Negara Islam hanyalah kerja 'plagiat' daripada apa yang telah dilaksanakan selama ini oleh kerajaan Barisan Nasional (BN).

Kalaupun yang berbeza, kecil sekali antaranya ialah mengenai parti itu berhasrat membatalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang di sebalik tentangan hebat sebelum ini, Kerajaan Amerika pun memperkenalkan undang-undang lebih kurang sama - Akta Patriot - selepas tersentak dengan kejadian serangan berani mati ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC), New York pada 11 September 2001.

Jelaslah betapa tumpuan utama Pas masih terhadap usaha menawan hati pengundi Melayu-Islam lebih daripada segala-galanya.

Bahawa dalam dokumen itu ada menyebut mengenai hak bukan Islam termasuk boleh dilantik ke dalam Kabinetnya jika memerintah, hanyalah 'tempel-tempelan' saja. Jangan tidak, kata orang. Bermakna, parti itu sesungguhnya masih tiada keyakinan untuk menawan undi bukan Melayu.

Tumpuan terhadap usaha untuk terus dilihat juara perjuangan Islam ini kini menjadi lebih penting setelah negara memiliki Perdana Menteri baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah seperti yang kita ketahui, ialah anak dan cucu kepada ulama terkenal tanah air iaitu Ahmad Badawi dan Abdullah Fahim. Selain Abdullah sendiri ialah lulusan pengajian Islam yang waraknya memang diketahui umum sejak sekian lama cuma bukan orangnya yang suka menunjuk-nunjuk kewarakannya itu.

Secara kebetulan atau apa, pelancaran Dokumen Negara Islam diadakan tidak sampai sebulan Abdullah dilantik sebagai Perdana Menteri kelima pada 31 Oktober lepas.

Tidakkah boleh ini dikatakan juga sebagai tindakan segera Pas untuk mematikan serta-merta apa-apa tanggapan positif yang mungkin Abdullah peroleh daripada latar belakang serta pegangan kuat Islam beliau itu?

Tidak hairanlah apabila akhbar-akhbar utama negara baru-baru ini memaparkan gambar Abdullah mengimamkan sembahyang termasuk sembahyang tarawih, ada pula suara-suara sumbang daripada pemimpin parti itu mengenainya.

Malah, seorang daripada pemimpin kanannya menempelak dengan berkata betapa soal mengimamkan sembahyang adalah perkara biasa yang tidak perlu diperbesar-besarkan.

Kepada penulis, apa yang dipaparkan itu tidaklah boleh dianggap sebagai membesar-besarkan imej Islam Abdullah hingga kononnya hendak menyamai atau setaraf dengan kebolehan pemimpin Pas.

Melainkan Pas sendiri seperti yang disebutkan tadi, bimbang dengan bayang-bayang sendiri hingga ia, khususnya pemimpinnya sendiri berasa terancam serta tergugat dengannya!

Jadi kepada Pas serta pemimpin dan pengikutnya, sudahlah dengan segala sandiwara mereka. Terimalah hakikat bahawa negara ini masih lagi berada di tangan pemimpin yang berwibawa sejak dari dulu, kini dan insya-Allah, selama-lamanya.

MUD TOW-QUA',
Kuantan.